



NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Taklimat Tender	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
STIDC/TEN/ 03/2024	The Proposed for Office Renovation and Interior Works Level 1 & 4 at Tower Block, Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching	Works Kelas : D Kepala : II Sub-Kepala : 3(a)(b)(c)	150.00	Terbuka	19 Ogos 2024 @ 9:00 pagi	2 September 2024 @ 12:00 tengah hari	2 September 2024 @ 12:00 tengah hari

2. Satu Taklimat Tender (wajib) akan diadakan pada **19 Ogos 2024, jam 9.00 pagi** bagi tender di atas bertempat di **Dewan Seminar, Blok Podium, Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching**. Pemilik atau wakilnya yang hadir ke Taklimat Tender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan).
3. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak. **Dokumen tender hanya akan dijual kepada Kontraktor-Kontraktor yang menghadiri Taklimat Tender.**
4. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Tunai** atau **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** dan kaedah pembayaran lain yang dibenarkan oleh **Badan Berkanun** yang dibayar atas nama **SARAWAK TIMBER INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION**.
5. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **19 Ogos 2024 sehingga 2 September 2024** pada waktu pejabat di alamat **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Wisma Sumber Alam, Blok Podium, 93702 Petra Jaya, Pejabat Bahagian Pentadbiran, Seksyen Perolehan dan Perkhidmatan.**

Hari

Isnin – Khamis

Waktu

8:30 pagi – 12:00 tengah hari

2:00 petang – 4:00 petang

Jumaat

8:15 pagi – 11:00 pagi

2:15 petang – 4:00 petang

6. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari Tender ditutup.
7. **Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokumen Tender sebelum Tarikh dan Masa Tutup Tender.**
8. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12:00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.



**Pengerusi
Jawatankuasa Tender
d/a Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak
Wisma Sumber Alam, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching,
P.O Box 194, 93702 Kuching, Sarawak.**

9. Badan Berkanun **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya petender gagal / lewat untuk mengemukakan Dokumen Tender pada masa dan Tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
10. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
11. **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

Pemangku Timbalan Pengurus Besar
b.p. Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)